

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pembangunan tambahan sebanyak \$3,000 juta, bagi melaksanakan projek dan rancangan yang "viable" dan berfaedah dalam negeri-negeri yang maju ini. Ini membuktikan, bahawa Kerajaan Persekutuan sanggup mengadakan dan memberi kelulusan peruntukan pembangunan tambahan, diatas projek dan rancangan yang dianggap penting oleh mana-mana negeri, asalkan projek dan rancangan tersebut, dapat dijayakan dengan sempurna, dan negeri-negeri itu benar-benar mempunyai keupayaan dan kemampuan menjayakan pelaksanaannya.